

PERANGKAAAN PENTING

VITAL STATISTICS

MALAYSIA

2013

JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

Julai
July 2015

KATA PENGANTAR

Penerbitan Perangkaan Penting Malaysia, 2013 ini menyediakan statistik kelahiran dan kematian di peringkat nasional dan negeri. Penerbitan ini membentangkan data muktamad bagi 2012 dan data permulaan bagi 2013. Indikator demografi seperti kadar kelahiran, kadar kematian dan kadar kesuburan turut dimuatkan dalam penerbitan ini. Pengiraan indikator ini adalah berasaskan anggaran penduduk yang diterbitkan daripada data Banci Penduduk dan Perumahan 2010. Jadual perangkaan penting terpilih mengikut kumpulan etnik, umur dan jantina juga disediakan. Statistik ini telah disusun berdasarkan konsep dan garis panduan *Principles and Recommendations for a Vital Statistics System, Revision 3* yang diterbitkan oleh *United Nations Statistics Division (2014)*.

Perangkaan penting merupakan input utama yang digunakan dalam pembentukan, pelaksanaan dan pemantauan dasar di peringkat nasional dan antarabangsa. Maklumat berkaitan kesuburan dan mortaliti adalah berguna bagi perancangan dasar dalam bidang kesihatan, pendidikan, ekonomi dan sosial di Malaysia.

Bahagian pertama penerbitan ini membentangkan ringkasan penemuan. Bahagian kedua pula memuatkan jadual terperinci peringkat nasional dan negeri bagi membantu pengguna membuat analisis. Ini diikuti oleh bahagian ketiga yang mengandungi nota teknikal untuk menerangkan konsep dan definisi bagi membantu pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pendaftaran Negara yang telah membekalkan rekod kelahiran dan kematian yang merupakan sumber utama data bagi penerbitan ini. Setiap maklumbalas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DATUK DR. HAJI ABDUL RAHMAN HASAN

Ketua Perangkawan Malaysia

Julai 2015

Jadual 2.2.18: Kadar kesuburan jumlah dan kadar kesuburan umur tertentu mengikut negeri, Malaysia, 2012

Table 2.2.18: Total fertility rate and age-specific fertility rate by state, Malaysia, 2012

Negeri State	Kadar kesuburan jumlah Total fertility rate	Kadar kesuburan umur tertentu Age-specific fertility rate						
		15-19	20-24	25-29	30-34	35-39	40-44	45-49
Malaysia	2,188	14	56	130	136	78	22	2
Johor	2,232	13	59	145	136	74	18	1
Kedah	2,602	9	61	178	163	85	22	2
Kelantan	3,605	15	83	250	205	120	44	4
Melaka	2,227	8	42	147	151	80	17	1
Negeri Sembilan	2,294	10	49	151	155	75	18	1
Pahang	2,475	17	73	155	140	83	25	2
Perak	2,346	9	51	163	157	70	18	1
Perlis	2,484	11	59	176	152	80	18	2
Pulau Pinang	1,697	7	34	101	119	63	14	1
Sabah¹
Sarawak	2,165	32	80	120	118	63	19	2
Selangor	1,997	10	39	111	136	81	21	2
Terengganu	3,489	12	72	227	206	132	45	4
W.P. Kuala Lumpur	1,649	9	36	93	108	68	15	1
W.P. Labuan	2,045	25	80	101	102	78	20	4
W.P. Putrajaya	2,870	7	52	179	185	121	28	1

Kadar adalah bagi setiap 1,000 perempuan berumur 15-49 tahun

The rates are per 1,000 women aged 15-49 years

¹ Data bagi Sabah tidak diterbitkan kerana masih di peringkat kajian. Walau bagaimanapun, data di peringkat Malaysia adalah termasuk Sabah

Data for Sabah are not published because it is still being studied. However, at the Malaysia level, data for Sabah are included